



15 Jun 2017
15 June 2017
P. U. (A) 173

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN
PERKHIDMATAN (PENGEMUKAAN MAKLUMAT) 2017

*GOODS AND SERVICES TAX (PROVISION OF
INFORMATION) REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014
PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(PENGEMUKAAN MAKLUMAT) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 177(2)(a) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengemukaan Maklumat) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“peranti” ertinya suatu peralatan termasuk perisian yang boleh—

- (a) menerima, menghantar, menyimpan, melapor dan mencetak maklumat yang dimasukkan ke dalamnya pada masa sebenar;
- (b) merekod semua pembekalan yang dibuat dan pembayaran yang diterima;
- (c) menerima, merekod, menunjukkan dan menghantar mesej amaran yang disebabkan oleh—
 - (i) kegagalan peranti dan rangkaian untuk berfungsi;
 - (ii) akses tanpa kebenaran ke dalam sistem;
 - (iii) kegagalan untuk log masuk; dan

- (iv) pemutusan memori;
- (d) menyediakan kemudahan untuk melihat, menganalisis, dan menjana laporan tentang semua pembekalan yang dibuat dan pembayaran yang diterima oleh orang berdaftar dan untuk mencetak laporan itu;
- (e) menyediakan ciri-ciri keselamatan bagi peranti; dan
- (f) apa-apa operasi elektronik yang lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah,

dan tidak berupaya untuk menterbalikkan atau memadam apa-apa data yang dimasukkan berkenaan dengan pembekalan yang dibuat dan pembayaran yang diterima atau apa-apa maklumat lain termasuk tarikh dan masa;

“mesin elektronik” ertinya suatu mesin elektronik yang mempunyai kapasiti untuk merakam maklumat mengenai pembekalan yang dibuat dan pembayaran yang diterima dan mengeluarkan invois cukai;

“orang berdaftar” ertinya orang berdaftar yang ditetapkan di bawah subperaturan 3(1).

Pengemukaan maklumat oleh orang berdaftar di bawah seksyen 34A Akta

3. (1) Orang berdaftar yang dikehendaki mengemukakan maklumat tentang semua pembekalan yang dibuat dan pembayaran yang diterima oleh orang berdaftar itu kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen 34A Akta ialah orang berdaftar yang menjalankan perniagaan yang ditentukan dalam Jadual.

(2) Maklumat yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan melalui suatu peranti yang dipasang pada suatu mesin elektronik yang digunakan bagi maksud perniagaan orang berdaftar itu.

Tanggungjawab orang berdaftar untuk memasukkan maklumat ke dalam, dan mengeluarkan invois cukai melalui, mesin elektronik

4. (1) Orang berdaftar hendaklah—

(a) memasukkan ke dalam suatu mesin elektronik maklumat tentang semua pembekalan yang dibuat dan pembayaran yang diterima oleh orang berdaftar itu; dan

(b) mengeluarkan invois cukai melalui suatu mesin elektronik.

(2) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Butir-butir yang dikehendaki dikemukakan oleh orang berdaftar

5. (1) Bagi maksud pemasangan peranti di bawah seksyen 34A Akta dan pengemukaan maklumat di bawah peraturan 3, orang berdaftar hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah butir-butir yang berikut dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah:

(a) alamat premis perniagaan orang berdaftar itu termasuk cawangan atau mana-mana tempat lain yang perniagaannya dijalankan, jika ada;

(b) perihalan mesin elektronik yang digunakan bagi maksud perniagaan orang berdaftar itu; dan

(c) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(2) Butir-butir yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan dalam tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), mana-mana orang berdaftar yang telah berdaftar pada tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa hendaklah mengemukakan butir-butir yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) kepada

Ketua Pengarah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(4) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Pemberitahuan perubahan pada operasi perniagaan

6. (1) Orang berdaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis—

- (a) tentang apa-apa perubahan alamat premis perniagaan orang berdaftar itu termasuk cawangan atau mana-mana tempat lain yang perniagaannya dijalankan;
- (b) tentang apa-apa perubahan bilangan cawangan atau mana-mana tempat lain yang perniagaan orang berdaftar itu dijalankan;
- (c) tentang apa-apa penggantian mesin elektronik oleh orang berdaftar itu;
- (d) jika berlaku penamatan perniagaan, pengubahsuaian premis perniagaan atau penutupan sementara operasi perniagaan orang berdaftar itu;
- (e) jika operasi perniagaan dijalankan di tempat selain premis perniagaan orang berdaftar itu; dan
- (f) tentang apa-apa hal keadaan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Pengalihan atau pemindahan peranti, atau pemasangan peranti tambahan

7. (1) Jika berlaku hal keadaan yang disebut dalam subperaturan 6(1), orang berdaftar hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah kelulusan untuk mengalih atau memindahkan apa-apa peranti yang telah dipasang atau memasang apa-apa peranti tambahan tidak lewat daripada tujuh hari sebelum pengalihan, pemindahan atau pemasangan peranti itu.

(2) Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Pemberitahuan kegagalan fungsi dan operasi peranti

8. (1) Jika peranti gagal berfungsi atau beroperasi, atau hilang, atau orang berdaftar berhenti daripada menggunakan peranti itu, orang berdaftar itu hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis tentang butir-butir yang dinyatakan dalam subperaturan (2) dalam masa dua puluh empat jam daripada kegagalan atau kehilangan, atau pemberhentian penggunaan peranti itu.

(2) Pemberitahuan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi—

(a) tarikh dan masa kegagalan atau kehilangan, atau pemberhentian penggunaan peranti itu; dan

(b) nama, nombor kad pengenalan dan tandatangan orang yang menghantar pemberitahuan itu.

(3) Apabila pemberitahuan dikeluarkan di bawah subperaturan (1), orang berdaftar boleh mengeluarkan suatu inuis cukai tanpa menggunakan mesin elektronik bagi tempoh tiga puluh hari daripada tarikh pemberitahuan itu dikeluarkan.

(4) Jika orang berdaftar mengeluarkan invois cukai tanpa menggunakan mesin elektronik di bawah subperaturan (3), orang berdaftar hendaklah mengemukakan secara bertulis kepada Ketua Pengarah semua maklumat yang berhubungan dengan pembekalan yang dibuat dan pembayaran yang diterima oleh orang berdaftar itu berhubung dengan invois cukai itu.

(5) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Penalti am

9. Mana-mana orang berdaftar yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengkompunan kesalahan

10. Semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah kesalahan yang boleh dikompun.

JADUAL

[Peraturan 3]

PERNIAGAAN YANG DITENTUKAN

<i>Sektor Perniagaan/Industri</i>	<i>Kategori</i>
Makanan dan minuman	Restoran
Peruncitan	Perkakas, barangan runcit, kedai buku dan farmasi
Hiburan	Mana-mana perniagaan yang menyediakan perkhidmatan hiburan

Dibuat 6 Jun 2017

[SULIT. KE. HD (122) 009/01 Klt.3 (18); Perb. R.0.3865/356/1 JLD.16 (SK.9);
PN(PU2)721/IX]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

GOODS AND SERVICES TAX (PROVISION OF INFORMATION) REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by paragraph 177(2)(a) of the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Goods and Services Tax (Provision of Information) Regulations 2017**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2017.

Interpretation

2. In these Regulations—

“device” means an equipment including the software which is capable of—

- (a) receiving, transmitting, storing, reporting and printing the information entered into it in real time;
- (b) recording all supply made and payment received;
- (c) receiving, recording, displaying and sending alert messages due to—
 - (i) failure of the device and network to function;
 - (ii) unauthorized access to the system;
 - (iii) failure to login; and
 - (iv) disconnection of memory;

- (d) providing the facility to view, analyse, and generate report of all supplies made and payments received by the registered person and to print such report;
- (e) providing security features for the device; and
- (f) any other electronic operation as determined by the Director General,

and is not capable of reversing or deleting any data entered in respect of supplies made and payments received or any other information including date and time;

“electronic machine” means an electronic machine having the capacity to capture information on supplies made and payments received and to issue tax invoices;

“registered person” means the registered person prescribed under subregulation 3(1).

Provision of information by registered person under section 34A of the Act

3. (1) The registered person who is required to provide information on all supplies made and payments received by the registered person to the Director General under section 34A of the Act shall be the registered person carrying on the business as specified in the Schedule.

(2) The information required to be provided under subregulation (1) shall be provided through a device installed on an electronic machine used for the purposes of the business of the registered person.

Responsibility of registered person to enter information into, and issue tax invoice from, electronic machine

4. (1) A registered person shall—

- (a) enter into an electronic machine information on all supplies made and payments received by the registered person; and

(b) issue a tax invoice through an electronic machine.

(2) Any registered person who contravenes this regulation commits an offence.

Particulars required to be provided by registered person

5. (1) For the purpose of the installation of the device under section 34A of the Act and the provision of the information under regulation 3, a registered person shall provide to the Director General the following particulars in such form and manner as may be determined by the Director General:

(a) the address of the business premise of the registered person including branches or any other place where his business is carried on, if any;

(b) the description of the electronic machine used for the purposes of the business of the registered person; and

(c) any other information as required by the Director General.

(2) The particulars required under subregulation (1) shall be provided within the period as may be determined by the Director General.

(3) Notwithstanding subregulation (2), a registered person who has been registered on the date of the coming into operation of these Regulations shall provide the particulars required under subregulation (1) to the Director General within the period of fourteen days from the date of the coming into operation of these Regulations.

(4) Any registered person who contravenes this regulation commits an offence.

Notification of changes to business operation

6. (1) A registered person shall immediately notify the Director General in writing—

- (a)* of any change of address of the business premise of the registered person including branches or any other place where his business is carried on;
- (b)* of any change in numbers of branches or any other place where the business of the registered person is carried on;
- (c)* of any replacement of electronic machine by the registered person;
- (d)* if there is a cessation of business, renovation of the business premise or temporary closure of the business operation of the registered person;
- (e)* if the business operation is to be carried out in a place other than the business premise of the registered person; or
- (f)* of any other circumstances as required by the Director General.

(2) Any registered person who contravenes this regulation commits an offence.

Removal or transfer of device, or installation of additional device

7. (1) Where the circumstances referred to in subregulation 6(1) occur, the registered person shall apply to the Director General for the approval to remove or transfer any device which has been installed or to install any additional device not later than seven days before the removal, transfer or installation of the device.

(2) The Director General may approve the application made under subregulation (1) subject to the conditions as the Director General deems fit to impose.

(3) Any registered person who contravenes this regulation commits an offence.

Notification of failure of functionality and operation of the device

8. (1) Where the device fails to function or operate, or is lost, or the registered person ceases to use the device, the registered person shall notify the Director General in writing of the particulars specified in subregulation (2) within twenty-four hours of the failure or loss, or cessation of the use of the device.

(2) The notification under subregulation (1) shall contain—

(a) the date and time of the failure or loss, or cessation of the use of the device; and

(b) the name, identification number and signature of the person issuing the notification.

(3) Upon the issuance of the notification under subregulation (1), the registered person may issue a tax invoice without using the electronic machine for a period of thirty days from the date of the notification being issued.

(4) Where the registered person issues tax invoice without using the electronic machine under subregulation (3), the registered person shall submit in writing to the Director General all information relating to the supply made and payment received by the registered person in relation to the tax invoice.

(5) Any registered person who contravenes this regulation commits an offence.

General penalty

9. Any registered person who commits an offence under these Regulations shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding thirty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

Compounding of offences

10. All offences under these Regulations shall be compoundable offences.

SCHEDULE

[Regulation 3]

SPECIFIED BUSINESS

<i>Business Sector/Industry</i>	<i>Category</i>
Food and beverages	Restaurants
Retail	Hardware, grocery, bookstore and pharmacy
Entertainment	Any business providing services of entertainment

Made 6 June 2017

[SULIT. KE. HD (122) 009/01 Klt.3 (18); Perb. R.0.3865/356/1 JLD.16 (SK.9);
PN(PU2)721/IX]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance